

Sistem beraja

Dr. Mahathir selamatkan institusi

UM 31/10/2003 - 18 PRECISE

BADAN kehakiman dan perundangan negara yang berada di bawah tiga Perdana Menteri sebelum daripada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak pernah 'disentuh'.

Malah kebanyakan masyarakat negara ini menanamkan tanggapan bahawa badan berkenaan memiliki keistimewaan yang tersendiri yang pada peringkat tertentu boleh mengatasi keluhuran undang-undang negara.

Bagaimanapun kita menyaksikan perubahan dalam sejarah badan kehakiman apabila segala tanggapan tersebut telah berjaya diungkai dan dijelaskan oleh Dr. Mahathir bahawa badan kehakiman adalah tidak kebal, tidak semestinya bersih dan boleh menghadapi tindakan rakyat.

Pada tahun 1987, Dr. Mahathir telah memulakan kritikan secara terbuka di dalam dan luar Parlimen mengenai pencapaian hakim-hakim dan mendedahkan bahawa ribuan kes tertunggak yang telah menyusahkan orang ramai serta merugikan negara.

Ekoran daripada itu, pada bulan Mac 1988, Ketua Hakim Negara pada masa itu, Tun Salleh Abbas telah membuat bantahan secara terbuka terhadap tindakan Dr. Mahathir yang dilihat telah mengkritik dan menyerang badan yang diterajunya.

Tun Salleh juga telah memanggil mesyuarat para hakim pada 25 Mac 1988 dan membuat keputusan menghantar surat kepada Yang di-Pertuan Agong serta raja-raja Melayu bagi menyatakan perasaan mereka mengenai ketegangan hubungan antara badan eksekutif dan kehakiman.

Yang di-Pertuan Agong yang berasa tersinggung dengan surat Tun Salleh telah meminta Dr. Mahathir memecat beliau daripada jawatan yang disandangnya.

Pada 6 Mei 1988, Tun Salleh digantung perkhidmatannya bagi membolehkan siasatan terhadapnya dijalankan oleh tribunal dan pada 8 Ogos 1988, Tun Salleh dipecat daripada jawatan atas nasihat tribunal.

Selain itu, sebagai Perdana Menteri, Dr. Mahathir juga telah meminda Perlembagaan Malaysia pada 19 Januari 1993 yang

menghadkan keistimewaan dan kekebalan raja-raja Melayu.

Bekas Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Zainuddin Maidin atau Zam yang kini Timbalan Menteri Penerangan menulis dalam bukunya, *Mahathir Di Sebalik Tabir* menyifatkan pindaan terhadap perlembagaan itu sebagai revolusi terindah.

Pindaan terhadap perlembagaan itu bertujuan supaya raja-raja menerima kehendak suara rakyat dan tuntutan politik negara bukan bermaksud menghapuskan sistem raja.

Tujuan utamanya ialah bagi menghindarkan golongan tersebut daripada melakukan perbuatan yang boleh mengakibatkan mereka dikenakan tindakan undang-undang yang menjurus kepada meniadakan imuniti raja-raja di sisi undang-undang.

"Pindaan yang dicadangkan ini bertujuan mengelakkan

atau menghalang daripada meningkatnya perasaan benci kepada raja yang boleh membawa kepada tuntutan untuk menghapuskan sistem beraja.

Sepakat

"Pindaan ini adalah untuk menyelamatkan raja-raja sendiri dan sistem raja berperlembagaan.

"Tujuannya (pindaan perlembagaan ini) ialah sekadar memuktubkan prinsip-prinsip yang disepakati iaitu kedaulatan rakyat dan kewibawaan institusi legislatif yang mewakili kehendak rakyat. Kemuliaan raja-raja terus dipertahankan dalam konteks raja berperlembagaan."

Seorang ahli akademik perundangan, Dr. Norlia Mustafa berpandangan bahawa tindakan Perdana Menteri untuk meminda perlembagaan tersebut adalah tepat dan bersesuaian pada masa itu.

Beliau yang bertugas sebagai



DR. NORLIA MUSTAFA

pensyarah di Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyatakan bahawa walaupun timbul persoalan sama ada pindaan yang dibuat itu sah atau tidak di sisi undang-undang namun pihak raja-raja Melayu tidak membantah.

Pada masa itu, menurut Dr. Norlia, seorang profesor perundangan dari sebuah universiti di Australia mempersoalkan Perkara 38 Perlembagaan negara yang menyatakan bahawa sesuatu perlembagaan itu tidak boleh dipinda tanpa persetujuan raja.

Namun kata Norlia, beliau masih mengingati kata-kata Dr. Mahathir; "Kalau mahu minta kebenaran raja-raja sampai bila-bila pun kebenaran tidak akan dapat".

Katanya, dalam konteks ini raja-raja perlu memahami tujuan sebenar tindakan yang dibuat oleh Dr. Mahathir adalah untuk menyelamatkan institusi beraja di negara ini. "Tidak semua masalah boleh diselesaikan mengikut peruntukan perlembagaan secara ketat," ujarnya.

Menurut pandangan Norlia, apa yang dilakukan oleh Dr. Mahathir adalah untuk kebaikan raja-raja bagi jangka panjang.


Pada awal pemerintahan, Dr. Mahathir telah

memperkenalkan budaya menghargai masa melalui penggunaan 'punch card' atau perakam waktu bagi kakitangan kerajaan pada September 1981.

Badan kehakiman kemudiannya pada 1 Februari 1996, di bawah teraju Ketua Hakim Negara ketika itu, Tun Mohd. Eusoff Chin telah memperkenalkan budaya itu kepada semua hakim.

Tun Eusoff dipetik berkata bahawa peraturan itu diperkenalkan bagi memastikan para hakim mempunyai disiplin yang tinggi untuk membolehkan mereka memulakan perbicaraan tepat pada waktunya dan seterusnya memberi keadilan kepada semua pihak yang terlibat.

ISTANA Keadilan di Putrajaya.



TENAGA NASIONAL

PESANAN DR. M

TONGKAT hanya berguna dan harus diguna untuk mengatasi kelemahan yang sementara. Apabila sudah pulih, tongkat mesti dilepaskan dan kita berdiri atas kaki sendiri.

● Perhimpunan Agung UMNO 6 November 1992.